



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KOMUNITI PARLIMEN WANGSA MAJU SAMBUT BAIK PROGRAM PENYELENGGARAAN TP1W DAN PROGRAM KHAS MENGECHAT

KUALA LUMPUR, 24 Mac 2018 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini melancarkan Program Komuniti Ceria Tabung Penyelenggaraan 1Wilayah (TP1W) dan Program Khas Mengecat yang diadakan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Melati, Wangsa Maju hari ini.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Pusat Khidmat Masyarakat Wangsa Maju.

Tujuan program adalah untuk menambah baik kawasan PPR, Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (PA DBKL), perumahan kos rendah dan sederhana rendah swasta, masjid, ibu pejabat dan karters polis di Wilayah Persekutuan khususnya di Parlimen Wangsa Maju supaya menjadi lebih ceria, kondusif serta selesa untuk didiami.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyerahkan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) kepada KWP pada 22 Februari 2017. KWP membuat penjenamaan semula kepada Tabung Penyelenggaraan 1Wilayah pada 14 Jun 2017 di mana hanya menfokuskan penyelenggaraan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pelaksanaan penyelenggaraan perumahan melalui program TP1W ini menumpukan kepada skop kerja kritikal seperti baik pulih lif, menggantikan tangki air, membaiki bumbung, dan pendawaian elektrik manakala Program Khas Mengecat dilaksanakan pada setiap bangunan PPR, PA DBKL, perumahan kos rendah dan sebagainya dengan warna dinding cat yang cantik dan baharu.

Pada tahun 2017, sebanyak 69 kawasan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah menerima manfaat dari program TP1W dan Program Khas Mengecat. Sebanyak

33 kawasan lagi akan terus dilaksanakan melibatkan lima (5) kawasan parlimen termasuk Parlimen Wangsa Maju bermula pada tahun ini.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan